

10/07/2001

Malaysia mampu manfaat potensi sains, teknologi

Nurul Hazren Masitom

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kementerian yang tidak asing khususnya bagi mereka yang bertungkus-lumus memajukan bidang itu ke arah pembangunan ekonomi negara, meraikan sambutan Jubli Peraknya, 2 Julai lalu.

Kementerian itu yang ditubuhkan sejak 25 tahun lalu mempunyai misi memajukan bidang sains dan teknologi yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa di samping memastikan pemuliharaan alam sekitar serta pembangunan negara berterusan. Tema sambutan yang dipilih kali ini ialah 'Sains, Teknologi dan Pengurusan Lestari Alam Sekitar ke Arah Pencapaian Wawasan Negara'.

Selain itu, objektif penubuhannya untuk menggalakkan kefahaman, kesedaran dan penghargaan terhadap bidang sains dan teknologi; untuk menggalakkan secara berterusan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi; untuk terus memulihara dan mengawasi alam sekitar dan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal serta pengurusan yang efisien dan produktif.

Sejarah penubuhan kementerian itu bermula pada 1973 dikenali sebagai Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Namanya ditukar kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 1976 sehingga kini kerana sesuai dengan fungsi utamanya untuk menggerak dan membangunkan bidang sains dan teknologi di negara ini.

Kementerian itu juga memastikan pembangunan lebih kukuh terhadap perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar.

Lokasinya ketika mula ditubuhkan turut berubah sejajar dengan kepentingannya iaitu dari 1976 hingga 1986 terletak di Bangunan Mui Plaza di Jalan P Ramlee, Kuala Lumpur, kemudian berpindah ke Wisma Sime Darby, di Jalan Raja Laut dari 1986 hingga tahun ini. Tahun ini pula, pusat pentadbiran kerajaan termasuk kementerian akan dipindahkan ke Putrajaya tidak lama lagi.

Sejak ditubuhkan, kementerian pernah diterajui empat Menteri iaitu Datuk Lee San Choon yang berkhidmat sejak kementerian ditubuhkan dengan nama Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung Baru dari 13 Ogos 1973 sehingga 4 September 1974. Beliau kemudian digantikan Datuk Mohamed Yaacob dari 1 September 1974 sehingga 5 Mac 1976 sebagai Menteri di Kementerian Teknologi dan Penyelidikan.

Selepas itu tugasnya disambung Tan Sri Ong Kee Hui dari 5 Mac 1976 sehingga 28 April 1982 iaitu daripada nama kementerian yang awal sehingga ditukar kepada nama kementerian sekarang.

Menteri seterusnya ialah Datuk Amar Stephen K T Yong memegang jawatan di kementerian dari 1982 sehingga 1990. Selepas Yong, jawatan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar disandang Datuk Law Hieng Ding dari 1990 sehingga sekarang.

Agensi yang termasuk dalam kementerian adalah pembangunan, kewangan, perkhidmatan dan perjawatan, pentadbiran, sains dan teknologi, pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar, antarabangsa, Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (DBK), Pusat Maklumat Sains dan Teknologi (Mastic), Pusat Remote Sensing Negara (Macres), Pusat Sains Negara dan Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa).

Badan korporat pula terdiri daripada Sirim Bhd, Mimos Bhd dan Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd serta badan berkanun iaitu Majlis Rekabentuk Malaysia dan Akademi Sains Malaysia.

Agensi yang termasuk di bawah kementerian adalah Direktorat Oseonografi Kebangsaan, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (Mint), Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Standard Malaysia (JSM), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA), Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Dalam ucapan aluan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada sambutan Jubli Perak kementerian, beliau berkata, dalam arus perubahan ekoran kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, fenomena ini menimbulkan pelbagai cabaran dan pada masa sama memberi peluang baru untuk dimanfaatkan.

"Kejayaan pada alaf baru ini bergantung kepada keupayaan kita untuk menyahut cabaran serta merebut peluang ini melalui ilmu pengetahuan, kemahiran dan kreativiti," katanya.

Beliau berkata, ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi mengubah suai fungsi serta sumbangan sains dan teknologi kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara.

Justeru, katanya sektor swasta dan kerajaan harus bersedia menyesuaikan diri bagi menghadapi cabaran k-ekonomi dengan meningkatkan tahap dan keupayaan dalam pencapaian sains dan teknologi.

"Masa depan sains dan teknologi di Malaysia harus berasaskan empat faktor yang saling melengkapi antara satu sama lain, iaitu mewujudkan persaingan eksport dunia serta memodenkan sektor eksport dan rangkaian sokongannya; meningkatkan kapasiti negara, industri dan firma terutama industri kecil dan sederhana; mewujudkan kekayaan; meningkatkan kualiti kehidupan dan alam sekitar di samping mewujudkan serta mengumpul modal pengetahuan untuk hari ini dan esok, terutama bagi menghadapi cabaran dan peluang k-ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam usaha mencapai pembangunan pesat, alam sekitar juga perlu dipelihara dan dilindungi termasuk program pembangunan yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi mesra alam serta mengintegrasikan prinsip pembangunan lestari dalam perancangan dan strategi pembangunan negara.

"Saya yakin dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar selama 25 tahun ini, negara terus memanfaatkan sepenuhnya potensi dan keupayaan sains dan teknologi sedia ada untuk meningkatkan kualiti alam sekitar dan kehidupan rakyat," katanya.

Law dalam ucapannya pula berkata, pelbagai dasar, strategi dan program dilaksanakan untuk membina asas serta kapasiti sains dan teknologi.

Pada masa sama, katanya usaha pemuliharaan alam sekitar turut diberi penekanan yang kementerian berbangga dengan sumbangannya kepada kemakmuran negara dan menjadikan Malaysia antara negara yang disegani dalam memperjuangkan isu alam sekitar demi kepentingan sejagat.

"Kejayaan yang dicapai adalah hasil pucuk pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memberi nasihat dalam menangani isu sains, teknologi dan alam sekitar.

"Penekanan beliau terhadap kepentingan sains dan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara serta keprihatinan terhadap pemuliharaan alam sekitar, menjadi inspirasi kepada kementerian ini dalam melaksanakan tanggungjawabnya terutama dalam merencanakan tindakan untuk menghadapi alaf 21 yang lebih mencabar," katanya.

Law turut mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, pertubuhan antarabangsa, sektor swasta dan rakyat Malaysia terhadap sumbangan dan sokongan kepada pencapaian kementerian selama ini.

Beliau berharap, kerjasama erat yang dipupuk selama ini dapat diteruskan

supaya agenda pembangunan negara yang berasaskan sains dan teknologi dengan diimbangi prinsip alam sekitar akan dapat membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.